

2015



LAPORAN TAHUNAN



FORUM PENGGUNA KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



TEMA LAPORAN TAHUNAN 2015

Fillo merupakan maskot CFM yang diperkenalkan pada tahun 2015. Maskot tersebut telah dipilih untuk menjadi tema utama Laporan Tahunan CFM Tahun 2015 sebagai salah satu cara untuk memperkenalkan imej baru CFM pada tahun 2015, iaitu sebagai sebuah forum yang ramah, mesra, dan lebih menarik.

Untuk mewujudkan konsep yang konsisten bagi imej baru CFM, sebahagian besar daripada konsep ini digambarkan dalam bentuk doodle sebagai adaptasi sifat reka bentuk Fillo yang juga digambarkan dalam bentuk doodle.

Pelbagai ikon doodle yang juga telah digambarkan bersama-sama dengan 4 warna utama CFM bukan sahaja menarik perhatian, tetapi juga memainkan peranan lain dengan merapatkan CFM kepada pengguna-pengguna melalui ikon-ikon yang mudah dikenali.

MASKOT CFM 2015

2015 merupakan tahun di mana CFM memperkenalkan maskotnya yang diinspirasi daripada haiwan yang dilihat sebagai teguh dan mempunyai ingatan yang kuat tetapi mudah mesra, iaitu "Gajah".

Sebelum pelancaran maskot diadakan, CFM telah menganjurkan peraduan menamakan maskot CFM yang bertajuk "Name the CFM Mascot and Win" melalui laman Facebook rasmi CFM, iaitu consumer.forum.malaysia. CFM yakin bahawa kehadiran maskot ini dapat membantu menyampaikan mesej kesedaran kepada golongan sasaran dengan cara yang lebih menarik dan menghiburkan.

En. Abdul Matin Abdul Rahim, seorang pengguna laman sosial Facebook dari Kuala Lumpur telah dipilih sebagai pemenang utama peraduan "Name the CFM Mascot and Win" dengan nama pilihan beliau, iaitu Fillo.

Menurut En. Abdul Matin, nama tersebut diilhamkan daripada perkataan Arab, 'Al-Fil' yang bermaksud gajah. Hasil kreativiti En. Abdul Matin telah memenangi beliau sebuah hadiah berupa telefon pintar iPhone 6 yang ditaja oleh Maxis Mobile Services Sdn Bhd.

Nama saya
Fillo!



MENGENAI CFM

CFM telah ditubuhkan pada bulan Februari 2001 sebagai sebuah pertubuhan yang diwakili oleh semua pihak yang berkaitan, termasuk bahagian 'pembekal dan permintaan' dalam industri komunikasi dan multimedia. Ia telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sebagai Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia pada tahun 2002 bagi melindungi hak-hak pengguna dalam sektor tersebut. Forum ini adalah selaras dengan kehendak Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) yang bertujuan untuk memudahkan sistem kawal selia-kendiri industri Komunikasi dan Multimedia.

Sebagai sebuah forum yang ditetapkan khas, CFM ditugaskan antara lain, adalah untuk menyediakan Kod Pengguna yang akan digunakan sebagai garis panduan asas untuk penyediaan perkhidmatan oleh pembekal perkhidmatan komunikasi dan multimedia. Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia (GCC) telah diterima oleh MCMC sebagai Kod Industri pada tahun 2002, bersama-sama dengan Kod Akses Internet. CFM akan menyemak dan mengemaskini Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia (GCC) setiap tiga tahun. Sila layari laman web kami untuk memuat turun; atau hantarkan permohonan kepada kami di enquiries@cfm.my untuk mendapatkan salinan.

BERIKUT ADALAH FUNGSI UTAMA CFM:



PENGGUBALAN KOD

Menggubal, membangun, menyediakan, meminda, mengubahsuai, menyemak dan mengemaskini Kod.



PENDIDIKAN DAN PROMOSI

Untuk mempromosikan objektif dan menganjurkan aktiviti CFM serta menyediakan saluran untuk penyebaran maklumat dan pendidikan awam mengenai hak kepenggunaan.



PERUNDANGAN

Untuk menasihati Ahli Majlis mengenai keperluan dan pertimbangan undang-undang.



KEAHLIAN

Untuk menyenaraikan dan mengemaskini maklumat keahlian CFM.



PENGENDALIAN ADUAN

Untuk menyediakan saluran bagi aduan yang berkaitan dengan hal ehwal pengguna. Untuk menyediakan prosedur dalam menangani aduan dan konflik serta memberikan cadangan bagi menyelesaikan aduan tersebut.



PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN

Untuk meningkatkan kesedaran mengenai Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia (GCC) di kalangan pembekal perkhidmatan, bagi menggalakkan penggunaan Kod GCC dalam prosedur, amalan dan polisi oleh para pembekal perkhidmatan. Ini adalah bagi memastikan tahap pematuhan Kod GCC yang tinggi dan bagi menyediakan industri untuk mengawal selia-kendiri.



INFORMASI KORPORAT

JURUAUDIT

Shanker & Co Chartered Accountants (AF1881)
25-1 Jalan USJ 16/1E, Taipan USJ,
47620 Subang Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: 603-80814345

PENDAFTAR


Pendaftar Pertubuhan Malaysia
Didaftarkan pada 13 Februari 2001
Nombor pendaftaran: PPM-011-14-13022001

PEJABAT BERDAFTAR

Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM)
Bangunan Lama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
Jalan Impact, Off Persiaran Multimedia, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

JURUBANK

Bank Muamalat Malaysia Berhad
CIMB Bank Berhad



INFORMASI KORPORAT

1-26

1	Maskot CFM 2015
2	Mengenai CFM
3	Informasi Korporat
6	Sekapur Sirih dari Pengerusi
8	Struktur Lembaga Ahli Majlis CFM
10	Ahli Majlis 2015 / 2017
16	Laporan Jawatankuasa Keahlian
18	Ahli-ahli CFM 2015
20	Ulasan Operasi Pengarah Eksekutif
22	Struktur Organisasi
24	Sekretariat CFM
26	Pencapaian CFM

29	Jawatankuasa Kerja CCMD 2015
30	Ringkasan Eksekutif CCMD
31	Statistik Aduan Tahun 2015
46	Aktiviti CCMD pada 2015
49	Melangkah ke Tahun 2016
50	Sekretariat CCMD

JABATAN PENGURUSAN ADUAN DAN PEMATUHAN (CCMD)

29-50

JABATAN KORPORAT DAN KOD (CDMD)

55-64

55	Jawatankuasa Kerja CDMD 2015
60	Ringkasan Eksekutif CDMD
61	Jawatankuasa Kerja Penggubalan Kod 2015
62	Aktiviti Penggubalan Kod
63	Melangkah ke Tahun 2016
64	Sekretariat CDMD

67	Jawatankuasa Kerja CPRD 2015
68	Ringkasan Eksekutif CPRD
71	Laporan Aktiviti CPRD
73	Liputan Media CFM 2015
90	Penerbitan CFM
92	Laporan Media Sosial 2015
102	Aktiviti-aktiviti di Laman Media Sosial CFM
104	Kesimpulan
105	Laporan Portal CFM
106	cfm.my
108	infokonsumer.my
111	Melangkah ke Tahun 2016
113	Sekretariat CPRD

JABATAN KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM (CPRD)

67-121

117	Bahan Promosi
121	Aktiviti CFM

A portrait of Megat Ishak Maamunor Rashid, a middle-aged man with grey hair, glasses, and a goatee, smiling with his arms crossed. He is wearing a light blue shirt and a grey blazer. The background is a large yellow circle, with a smaller pink circle partially visible in the top left corner.

Megat Ishak Maamunor Rashid

Pengerusi
Forum Pengguna Komunikasi
dan Multimedia Malaysia
(CFM)

SEKAPUR SIRIH DARI Pengerusi



Assalamualaikum W.B.T

Salam Sejahtera,

Mewakili pihak Ahli Lembaga Majlis CFM, saya dengan sukacitanya ingin membentangkan Laporan Tahunan CFM 2015. Tanpa disedari, CFM telah berdiri megah selama 14 tahun sejak penubuhannya pada Februari 2001. Dengan berpegang pada prinsip "YOUR RIGHTS, OUR PRIORITY", CFM telah mencapai objektif utama iaitu: untuk melindungi hak-hak pengguna di dalam perkhidmatan Komunikasi dan Multimedia di Malaysia.

Menyingkap tirai yang telah pun berlabuh pada 2015, tahun lepas merupakan tahun penjenamaan semula, di mana kami lebih memfokuskan kepada pematuhan serta kualiti perkhidmatan dalam menyelesaikan aduan masalah yang diterima. CFM telah menerima sejumlah 7,326 aduan sejak Januari 2015 hingga Disember 2015 dari seluruh Malaysia, yang merupakan peningkatan sebanyak 6.11% dari 6,904 aduan yang dibuat dengan CFM bagi tahun 2014. Daripada 7,326 aduan, lebih 97% aduan yang telah diselesaikan oleh CFM dan kurang daripada 3% sahaja yang masih di dalam siasatan. Pencapaian ini patut dibanggakan oleh kita semua kerana CFM dapat menyelesaikan 90% daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun 2015 dalam tempoh 30 hari. Ia merupakan peningkatan 7% berbanding hanya 83% yang dicatatkan pada tahun 2014.

CFM bekerjasama dengan pelbagai penyedia perkhidmatan (SP) untuk memastikan semua baki kes yang belum ditutup akan dapat diselesaikan sebagai mana yang tertakluk pada Kod Amalan Am Pengguna Komunikasi dan Multimedia (GCC). Selain itu, CFM berjaya mengenal pasti isu – isu yang berkaitan dengan masalah liputan yang melibatkan beberapa Penyedia Perkhidmatan (SP) dari aduan yang diterima, justeru mengakibatkan pengeluaran sembilan (9) surat meminta penjelasan mengenai kawasan yang mempunyai isu masalah liputan.

Tahun 2015 juga mencatatkan sejarah di mana maskot pertama CFM yang bernama "Fillo" telah dilancarkan pada Julai 2015, sempena Sambutan Rumah Terbuka CFM dan Pelancaran Logo terbaru CFM. Melihat kepada aspek kempen kesedaran serta promosi, CFM secara agresif menggunakan maskot, Fillo untuk mendekati orang ramai. Nama Fillo telah dipilih dari peraduan #nametheMascot yang diadakan melalui laman media sosial Facebook CFM. Kami amat bersyukur di atas respon dan sambutan hangat yang diterima daripada orang ramai terhadap Fillo. Secara tidak langsung, Fillo menjadikan CFM lebih mesra pengguna dan membawa

kepada peningkatan pengikut di media sosial serta bilangan aduan daripada masyarakat. Ini dibuktikan dengan statistik media sosial utama (Facebook) telah meningkat pengikutnya sebanyak 267% dari 4,543 pada 2014 ke 16,670 pada 2015.

Selain itu, liputan media mengenai CFM juga telah meningkat lebih 1,000% berbanding dengan tahun sebelumnya. Kami menyedari bahawa platform konvensional seperti TV, Radio dan akhbar masih menjadi saluran yang terbaik untuk menyebarkan maklumat kami kepada para pengguna. Jika hendak dibandingkan dengan tahun sebelumnya, terdapat 17 liputan media sahaja pada tahun 2014 dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1,111% dengan 206 adalah liputan media dan 8 darinya adalah media penampilan dalam TV dan temu bual radio. Peningkatan ini juga disebabkan oleh kenyataan media mengenai pelaksanaan GST yang diimplimentasikan di dalam Perkhidmatan Prabayar Telefon Mudah Alih oleh pihak kerajaan.

Salah satu inisiatif CFM untuk menyebarkan maklumat komunikasi dan multimedia ialah melalui penerbitan buletin suku tahunan, "SHOUT!", yang diterbitkan dan diedarkan sebanyak 32,000 naskhah di seluruh negara untuk meningkatkan pengetahuan pengguna mengenai isu-isu semasa berkaitan industri komunikasi dan multimedia. "SHOUT!" diedarkan di beberapa kawasan terpilih di seluruh Malaysia yang disisipkan di dalam surat khabar yang menjadi pilihan utama pembaca. Penerbitan ini juga boleh didapati di dalam talian dan boleh dimuat turun secara percuma.

Aktiviti kemuncak untuk tahun ini ialah "CFM 12 Hour Doodle Marathon" (CFM Doodle Maraton 12 Jam) sempena meraikan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) dibawah naungan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Tambahan pula, Sesi Perkongsian Ilmu Bersama Industri telah dianjurkan secara berterusan di Sabah dan Sarawak untuk mendidik orang awam serta Badan Bukan Kerajaan mengenai peranan dan fungsi CFM serta isu-isu yang memberi kesan kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

STRUKTUR LEMBAGA AHLI MAJLIS CFM



PEMEGANG JAWATAN

PENGERUSI

TUNE TALK SDN BHD
(TUNE TALK)

TIMBALAN PENGERUSI

PERSATUAN PENGGUNA KEDAH
(CAKE)

BENDAHARI

PERTUBUHAN PEMBIMBING KEWANGAN
PENGGUNA DAN KELUARGA MALAYSIA
(KPM)

SETIAUSAHA

MAXIS MOBILE SERVICES SDN BHD
(MAXIS)

AHLI-AHLI MAJLIS CFM

PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG
(CAP)

CELCOM AXIATA BERHAD
(CELCOM)

ALTEL COMMUNICATIONS SDN BHD
(ALTEL)

DIGI TELECOMMUNICATIONS SDN BHD
(Digi)

PERSATUAN EKONOMI PENGGUNA
DAN KELUARGA MALAYSIA
(MACFEA)

MEASAT BROADCAST
NETWORK SYSTEMS SDN BHD
(ASTRO)

PERSATUAN PENGGUNA DAERAH
KUALA TERENGGANU
(PPDKT)

MEDIA PRIMA BERHAD

PERSATUAN KESELAMATAN PENGGUNA
KUALA LUMPUR
(PKPKL)

Dalam menyokong Fungsi Operasi Forum, Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk mengetuai dan menentukan halatuju Sekretariat dalam semua perkara Operasi. Ketua Jawatankuasa kerja terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Majlis:

JAWATANKUASA KERJA

JAWATANKUASA
KORPORAT DAN
PENGURUSAN KOD


JAWATANKUASA
PENGURUSAN ADUAN
DAN PEMATUHAN

JAWATANKUASA
KOMUNIKASI DAN
PERHUBUNGAN AWAM

DIKETUAI OLEH
MAXIS MOBILE SERVICES
SDN BHD
(MAXIS)

DIKETUAI OLEH
PERSATUAN PENGGUNA
PULAU PINANG
(CAP)

DIKETUAI OLEH
TUNE TALK
SDN BHD
(TUNE TALK)



AHLI MAJLIS 2015/2017



Pengerusi
**Megat Ishak
Maamunor Rashid**

Tune Talk Sdn Bhd
(TUNE TALK)



Timbalan Pengerusi
**Mohamad Yusrizal
Dato' Yusoff**

Persatuan Pengguna Kedah
(CAKE)

Setiausaha
**Mahfuzah
Azahari**

Maxis Mobile Services
Sdn Bhd
(MAXIS)



Bendahari
**Abdul Rahman
Samad**

Pertubuhan Pembimbing
Kewangan Pengguna dan
Keluarga Malaysia
(KPM)



A portrait of Roslan Rosli, a man with glasses and a white shirt, standing with his arms crossed. He is wearing a white shirt with a 'cfm' logo on the left chest. The background is a large yellow circle with a pink circle partially visible behind it. A blue circle is overlaid on the top right of the image, containing text.

Ahli Majlis
Roslan Rosli

Digi Telecommunications
Sdn Bhd
(Digi)

A portrait of Datin Norhanizar Shafie, a woman wearing a purple hijab and a white shirt, standing with her arms crossed. She is wearing a white shirt with a 'cfm' logo on the left chest. The background is a large yellow circle with a pink circle partially visible behind it. A blue circle is overlaid on the bottom right of the image, containing text.

Ahli Majlis
**Datin Norhanizar
Shafie**

Media Prima Berhad

A portrait of a woman wearing an orange hijab and a purple patterned dress, standing against a yellow circular background. The text is overlaid on a blue circle to her right.

Ahli Majlis

**Dr. Elistina
Abu Bakar**

Persatuan Ekonomi Pengguna
dan Keluarga Malaysia
(MACFEA)

A portrait of a man with a mustache, wearing a blue polo shirt with pink accents and grey trousers, standing with his arms crossed against a yellow circular background. The text is overlaid on a blue circle to his left.

Ahli Majlis

**Samsudin
Mohamad Fauzi**

Persatuan Keselamatan Pengguna
Kuala Lumpur
(PKPKL)



Ahli Majlis
Ravinder Singh

Persatuan Pengguna
Pulau Pinang
(CAP)

Ahli Majlis
**Azizan Mohd
Afandi**

Altel Communications
Sdn Bhd
(ALTEL)

Ahli Majlis
**Azlinda Zainal
Abidin**

Measat Broadcast
Network Systems Sdn Bhd
(ASTRO)

A portrait of Hairunnisa Nasir, a woman wearing a pink and floral hijab and a dark blue blazer, standing against a yellow circular background. The text is overlaid on a blue circle to her right.

Ahli Majlis
Hairunnisa Nasir

Celcom Axiata Berhad
(CELCOM)

A portrait of Khairuddin Ismail, a man with a goatee wearing a dark blue jacket over a light blue shirt, standing against a yellow circular background. The text is overlaid on a blue circle to his left.

Ahli Majlis
Khairuddin Ismail

Persatuan Pengguna Daerah
Kuala Terengganu
(PPDKT)

LAPORAN JAWATANKUASA KEAHLIAN

PENGENALAN

Salah satu fungsi CFM adalah untuk menerima pandangan dan pendapat daripada orang awam mengenai penggunaan serta menggalakkan dan meningkatkan kesedaran orang ramai dalam industri telekomunikasi dan multimedia, disamping mengumpul data-data untuk rumusan statistik. Penyedia perkhidmatan, yang memperolehi lesen untuk beroperasi, adalah digalakkan untuk menjadi ahli CFM sebagai Pembekal. Persatuan-persatuan yang menerajui hak pengguna juga digalakkan untuk menjadi ahli CFM dibawah kategori Permintaan.

Sebagai ahli CFM, sebuah organisasi harus bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung dalam penubuhan Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia dimana CFM bertindak sebagai perantaraan untuk kedua-dua kategori ahli iaitu Pembekal dan Permintaan.

KATEGORI AHLI

KEAHLIAN BIASA

Terbuka kepada organisasi komersil, kumpulan kepentingan awam, pertubuhan bukan kerajaan dan institusi pengajian tinggi.

KEAHLIAN BERSEKUTU

Dibuka kepada badan dibawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dimana sebuah organisasi dilesenkan sebagai komersil atau individu.

FAEDAH KEAHLIAN

- CFM menimbangkan kepentingan kedua-dua belah pihak dalam pertikaian, bukan sahaja pihak yang membuat aduan, dan di mana perlu, CFM akan membantu pihak terlibat mencari penyelesaian yang adil.
- Keahlian CFM boleh meningkatkan keyakinan pengguna terhadap pembekal kerana pengguna tahu bahawa mereka boleh menghubungi CFM jika mereka mempunyai masalah yang tidak dapat diselesaikan secara terus dengan pembekal perkhidmatan.
- Keahlian CFM juga memberi kesan positif ke atas imej korporat pembekal kerana mereka berada dalam keadaan bersedia untuk menyelesaikan isu dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan mengikut keperluan pengguna.
- Kepada pengguna, CFM akan mengamalkan "Alternative Dispute Resolution" (ADR) untuk menyelesaikan aduan pengguna di luar proses perundangan biasa. Kepada Pengguna, proses ADR ini tidak melibatkan kos yang tinggi dan ia menjimatkan masa dalam menangani aduan pelanggan. Tanpa alternatif ini, aduan tersebut akan berkemungkinan dibawa ke mahkamah sivil.
- Keahlian di CFM membuka peluang pembabitan ahli untuk (bergantung pada kelulusan Ahli-ahli Majlis) dalam merangka, menggubal dan menyediakan kod yang melindungi hak-hak pengguna menurut peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- CFM memupuk hubungan kerjasama dengan ahlinya, di mana membantu ahlinya melaksanakan strategi untuk memahami punca aduan dengan cara yang lebih menyeluruh. Sebagai contoh, CFM boleh menjelaskan terma dan syarat kontrak dan memberikan maklum balas secara tidak formal kepada pengguna mengenai bahagian yang dianggap mengelirukan.
- CFM juga menyediakan statistik kepada ahli-ahli mengenai bilangan dan jenis aduan yang diterima. Data ini berguna untuk membantu ahli-ahli mengenal pasti isu-isu perkhidmatan yang dihadapi oleh pengguna secara keseluruhan.

YURAN KEMASUKAN DAN KEAHLIAN

AHLI PEMBEKAL BIASA	AHLI PERMINTAAN BIASA	AHLI BERSEKUTU (ORGANISASI)	AHLI BERSEKUTU (INDIVIDU)
<p>Yuran Kemasukan RM1,000</p> <p>Yuran Tahunan RM3,000</p>	<p>Yuran Kemasukan RM10</p> <p>Yuran Tahunan RM30</p>	<p>Yuran Kemasukan RM100</p> <p>Yuran Tahunan RM200</p>	<p>Yuran Kemasukan RM10</p> <p>Yuran Tahunan RM20</p>
<p>Yuran kemasukan dan yuran tahunan dikenakan ke atas semua Ahli Biasa kecuali yang diklasifikasikan oleh Ahli Majlis sebagai definisi Organisasi Bukan Kerajaan, Kumpulan Kepentingan Awam atau Institusi Pengajian Tinggi.</p>	<p>Ahli Biasa yang diklasifikasikan oleh Ahli Majlis sebagai definisi Organisasi Bukan Kerajaan, Kumpulan Kepentingan Awam atau Institusi Pengajian Tinggi.</p>	<p>Yuran kemasukan dan yuran keahlian tahunan dikenakan ke atas semua Ahli Bersekutu yang bukan individu.</p>	<p>Yuran kemasukan dan yuran keahlian tahunan dikenakan ke atas semua individu yang menjadi Ahli Bersekutu.</p>

AKTIVITI KEAHLIAN 2015

Sepanjang tahun 2015, kami telah bekerjasama dengan ahli-ahli kami (persatuan pengguna) untuk pelbagai acara dan juga di bawah anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Di bawah ialah peristiwa-peristiwa yang telah kita bekerjasama dengan ahli-ahli di seluruh Malaysia:

NO	TARIKH	PROGRAM
1	4 Mac	Program Pendidikan Pengguna anjuran Persatuan Pengguna Negeri Sembilan (NESCA) di Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Muhammad di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
2	20 Mac	Sesi Perkongsian Maklumat Industri bersama ahli-ahli potensi di Grand Borneo Hotel, Kota Kinabalu, Sabah.
3	15 Sept	Sesi Perkongsian Maklumat Industri bersama ahli-ahli potensi di Hilton Hotel, Kuching, Sarawak, anjuran bersama MCMC.
4	15 Sept	Sesi pengenalan keahlian dan mesyuarat bersama ahli-ahli potensi di Hilton Kuching, Sarawak anjuran bersama MCMC.
5	28 Okt	Mesyuarat Agung Tahunan di Menara KL bersama 43 ahli CFM.

AHLI-AHLI CFM 2015

Secara keseluruhan, unit keahlian telah menunjukkan prestasi yang baik dalam 2015 dimana penambahan keahlian meningkat berbanding dengan tahun 2014. Seramai 6 ahli baru (5 organisasi dan 1 individu) telah mendaftar untuk menjadi ahli baru CFM pada penghujung tahun 2015 dan jumlah keseluruhan ahli CFM adalah sebanyak 42 ahli.



Yang disenaraikan di bawah adalah senarai CFM pada Disember 2015.

BIL	PEMBEKAL	NO. KEAHLIAN
1	Altel Communications Sdn Bhd	150313/OS37
2	Asian Broadcasting Network (ABN)	060312/OS36
3	Astro Radio Sdn Bhd	080301/OS9
4	Celcom Axiata Berhad	180804/OS1
5	Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi)	090301/OS11
6	M-Mode Berhad	230415/OS41
7	Maxis Mobile Services Sdn Bhd	070301/OS6
8	Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd (ASTRO)	301203/OS20
9	Media Prima Berhad	020301/OS3
10	Merchantrade Asia Sdn Bhd	110515/OS42
11	Packet One Networks (M) Sdn Bhd (kini dikenali sebagai webe digital sdn bhd)	240707/OS27
12	red ONE Network Sdn Bhd	060813/OS38
13	Telekom Malaysia Berhad (TM)	110302/OS13
14	TIME dotCom Sdn Bhd	070301/OS8
15	Tune Talk Sdn Bhd	150410/OS31
16	U Mobile Sdn Bhd	211209/OS30
17	XOX Com Sdn Bhd	070115/OS39
18	YTL Communications Sdn Bhd	010311/OS32

BIL	PERMINTAAN	NO. KEAHLIAN
1	Consumer's Association of Miri (CAM)	130704/OD18
2	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP)	090301/OD9
3	Malaysian Consumers Association (MACONAS)	210312/OD40
4	Malaysian Mobile Content Provider Association (MMCP)	100408/OD26
5	National Council of Women's Organisations' Malaysia (NCWO)	030301/OD3
6	Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA)	141107/OD25
7	Persatuan Kebajikan Pengguna Melaka	010113/OD44
8	Persatuan Kebajikan Pengguna Negeri Johor (JCWA)	020310/OD30
9	Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL)	200912/OD43
10	Persatuan Pelindung Pengguna Pulau Pinang (PCPA)	200912/OD41
11	Persatuan Pemilik-Pemilik Telefon Bimbit Malaysia (PERBIT)	060312/OD35
12	Persatuan Pengguna Daerah Kuala Terengganu (PPDKT)	250210/OD28
13	Persatuan Pengguna Kedah (CAKE)	240210/OD27
14	Persatuan Pengguna Komunikasi Dan Media Malaysia (PEKOMA)	100615/OD45
15	Persatuan Pengguna Melaka Tengah (PPMT)	010310/OD29
16	Persatuan Pengguna Negeri Sembilan (NESCA)	310806/OD24
17	Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)	020301/OD2
18	Persatuan Pelindung Pengguna Kelantan (PELINDUNG)	210312/OD38
19	Pertubuhan Pembimbing Kewangan Pengguna dan Keluarga Malaysia (KPM)	210312/OD37
20	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	210312/OD39
21	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	200912/OD42

BIL	AHLI BERSEKUTU (ORGANISASI)	NO. KEAHLIAN
1	Messrs Raja Darryl and Loh	080210/AM001

BIL	AHLI BERSEKUTU (INDIVIDU)	NO. KEAHLIAN
1	Abdul Manaf bin Bohari	210410/AM005
2	Muhammad Faizal bin Maslan	200415/AM006

A portrait of Aly Shaharom, a middle-aged man with short grey hair and glasses, wearing a white button-down shirt. He is standing with his hands clasped in front of him. The background is a large yellow circle. To the left of the circle, there are two smaller overlapping circles, one pink and one blue. The blue circle contains the text identifying him.

Aly Shaharom

Pengarah Eksekutif
Forum Pengguna Komunikasi
dan Multimedia Malaysia
(CFM)



ULASAN OPERASI PENGARAH EKSEKUTIF



Assalamualaikum W.B.T

Salam sejahtera,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua para pengguna kerana telah memberikan kepercayaan anda kepada kami selama 14 tahun sebagai platform untuk melindungi hak-hak pengguna dalam Industri Komunikasi dan Multimedia di Malaysia.

Pada tahun 2015, CFM telah menambah lima ahli sekretariat baru untuk membantu CFM dalam mencapai matlamat, visi dan misi. Terdapat dua sekretariat baru yang telah ditambah kepada Jabatan Komunikasi dan Perhubungan Awam, dua lagi telah ditambah kepada Jabatan Pengurusan Aduan dan Pematuhan dan seorang sekretariat baru telah ditambah kepada Jabatan Korporat dan Pengurusan Kod. Pada akhir tahun 2015, terdapat sebanyak 19 orang sekretariat secara keseluruhan, termasuklah Pengarah CFM.

CFM juga telah banyak memberi tumpuan kepada semakan Kod Amalan Am Pengguna bagi Industri Komunikasi dan Multimedia (GCC). Selain itu, kami juga telah memuktamadkan Kod Ajen dan Pengedar dan telah menubuhkan sistem "Alternative Dispute Resolution" (ADR) untuk perkhidmatan komunikasi dan multimedia.

CFM bergerak selangkah ke hadapan dengan mengadakan bengkel penyediaan KPI. Tujuan ianya diadakan ialah untuk mengkaji prestasi KPI 2014 untuk setiap jabatan, menetapkan KPI 2015/2016 untuk setiap jabatan, mengkaji KPI individu untuk 2014, merancang dan menentukan KPI individu untuk 2015/2016, menggalakkan kedua-dua pembangunan dan peningkatan individu dan pasukan dengan memberi tumpuan untuk mencapai matlamat CFM. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kerja pasukan dan persahabatan seperti kerjasama, komunikasi dan

meningkatkan pemikiran kreatif serta fleksibel. Selain itu, ia diadakan bagi mengenal pasti jurang dalam kemahiran individu atau kolektif dan kebolehan bagi pembinaan keupayaan dan perkembangan bakat. Melalui KPI yang ditetapkan, ia menjadi pemangkin kepada pembangunan CFM untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dalam industri komunikasi dan multimedia kepada pengguna.


Baru-baru ini, CFM juga telah menjalani peralihan baru dengan perantikan Ahli-ahli Lembaga pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-15 yang telah diadakan di Menara Kuala Lumpur. Dengan itu, pihak CFM amat mengalu-alukan kedatangan wakil dari Tune Talk Sdn Bhd, Encik Megat Ishak Maamunor Rashid sebagai Pengerusi wakil baru CFM bagi penggal 2015 / 2017.


Bagi tahun 2015 / 2016, CFM telah meletakkan keutamaan untuk mendapat pengiktirafan kebangsaan sebagai pihak perwakilan utama pengguna dalam industri komunikasi dan multimedia, serta sebagai platform utama bagi industri kawal selia-kendiri.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Majlis CFM, ahli-ahli dan semua pihak yang berkepentingan; termasuklah sekretariat CFM yang telah bekerja keras untuk membangunkan CFM pada tahun 2015. Bagi tahun yang akan datang, CFM mengimpikan kemajuan yang lebih besar, serta cara-cara yang lebih baik untuk berkhidmat kepada pengguna.

Sekian, terima kasih.

STRUKTUR ORGANISASI





+1

CDMD

5

**SEKRETARIAT
BARU
2015**

+2

CCMD

+2

CPRD

SEKRETARIAT CFM



Kartini Hasbi

Pengurus
Jabatan Korporat dan Kod
(CDMD)



**Ahmad Izham
Khairuddin**

Pengarah
Forum Pengguna Komunikasi
dan Multimedia Malaysia
(CFM)



**Noor
Shahdiella
Abd Manan**

Pengurus
Jabatan Komunikasi dan
Perhubungan Awam
(CPRD)

**Salabiah
Mohamad
Madnash**

Pengurus
Jabatan Pengurusan Aduan
dan Pematuhan
(CCMD)

2009

PENCAPAIAN CFM

2010

2011

2012

APRIL

Pelancaran kempen CFM
"Know Your Rights"

1 MEI

En Muhamad Tahir
Muhamad Noor dilantik
sebagai Pengarah
Eksekutif CFM

JUN

CFM dipindahkan dari
Kelana Jaya ke Wisma
Straits Building dalam
Kuala Lumpur

OGOS

Penerbitan sulung CFM
CONSUMER info

20 OKTOBER

Mesyuarat Agung
Tahunan ke-9 di Crowne
Plaza Kuala Lumpur.
Tuan Haji Khairuddin
Yunus (NESCA) sebagai
Pengerusi CFM

FEBRUARI-APRIL

Perundingan Awam Kod
Amalan Am Pengguna
untuk Industri Komunikasi
dan Multimedia (GCC) di 7
tempat di seluruh negara

6 MEI

Bengkel Kajian Kod
Amalan Am Pengguna
untuk Industri Komunikasi
dan Multimedia (GCC) di
MCMC Cyberjaya

29 JUN

Mesyuarat Agung
Tahunan ke 10 diadakan
di Hotel Singgahsana,
Petaling Jaya

OKTOBER

En Azizan Mohd
Afandi dilantik sebagai
Pengarah Eksekutif CFM

FEBRUARI

CONSUMER info portal
draf cadangan 1

30 JUN

Mesyuarat Agung
Tahunan di Cyberview
Lodge Cyberjaya, Puan
Mahfuzah Azahari
(Maxis) dilantik sebagai
Pengerusi CFM

27 JULAI

Mesyuarat Agung
Tahunan ke 12 di Hotel
Pullman Putrajaya

2013

FEBRUARI

Lawatan CFM ke Ofcom, United Kingdom (projek di bawah ADR)

MEI

En Ahmad Izham Khairuddin dilantik sebagai Pengarah CFM

OGOS

Mesyuarat Agung Tahunan ke-13 yang diadakan di Hornbill Restaurant Cafe, Taman Burung KL. Pelantikan Dr Elistina Abu Bakar (MACFEA) sebagai Pengerusi CFM

SEPTEMBER

En Aly Shaharom dilantik sebagai Pengarah Eksekutif CFM

2014

MEI

Forum semperna sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia di Le Meridien Hotel, KL Sentral

JULAI

Kajian Prosedur Standard untuk Aduan

OKTOBER

Permulaan penggunaan kenderaan rasmi CFM

25 NOVEMBER

Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14 2014 yang diadakan di Marina Putrajaya

2015

MAC

Peraduan Facebook "NAME THE CFM MASCOT and WIN"

Sesi Perkongsian Maklumat Industri CFM di Kota Kinabalu, Sabah

MEI

"CFM DOODLE MARATON 12 JAM!" sempena Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTSID) 2015

JUN

CFM Istimewa Ramadhan, Pengagihan Bubur Lambuk di Masjid Jamek

JULAI

Pelancaran Logo dan Maskot CFM serta Jamuan Aidilfitri #CFMMeriahRaya

SEPTEMBER

Sesi Perkongsian Maklumat CFM di Kuching, Sarawak

KPI Review Retreat di Amverton Cove Golf and Island Resort

OKTOBER

Mesyuarat Agung Tahunan CFM KE 15 – En Megat Ishak Maamunor Rashid dilantik sebagai Pengerusi CFM





**Jabatan Pegurusan
Aduan dan Pematuhan**

JAWATANKUASA KERJA CCMD 2015

KETUA
PERSATUAN PENGGUNA PULAU PINANG
(CAP)

PERSATUAN PENGGUNA KEDAH
(CAKE)

PERTUBUHAN PEMBIMBING
KEWANGAN PENGGUNA
DAN KELUARGA MALAYSIA
(KPM)

PERSATUAN KESELAMATAN PENGGUNA
KUALA LUMPUR
(PKPKL)

DIGI TELECOMMUNICATIONS SDN BHD
(Digi)

TELEKOM MALAYSIA BERHAD
(TM)

CELCOM AXIATA BERHAD
(CELCOM)

RINGKASAN EKSEKUTIF CCMD

Biro Aduan dan Pematuhan melalui sekretariat CFM memberi keutamaan terhadap pemantauan prestasi tempoh penyelesaian aduan yang diterima oleh CFM. Rekod menunjukkan impak yang positif apabila peratusan penyelesaian aduan dalam tempoh 30 hari telah mencapai 90% daripada sejumlah 7,326 aduan sah yang dilaporkan kepada Penyedia Perkhidmatan – dengan peningkatan sebanyak 7% berbanding tahun lepas iaitu 83%.

CFM hanya menerima aduan yang belum selesai dan telah dirujuk kepada Penyedia Perkhidmatan terlebih dahulu kerana adalah wajar memberi peluang kepada Penyedia Perkhidmatan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Saluran utama aduan yang diterima oleh CFM ialah melalui Portal Aduan CFM (CoP) iaitu sebanyak 4,724 (64.48%) diikuti dengan emel 2,174 (29.68%) dan menerusi telefon 338 (4.61%) panggilan. Aduan yang diterima dari pelbagai saluran akan direkodkan ke dalam Portal Aduan CFM sebagai rekod aduan rasmi.

Salah satu inisiatif yang telah dilakukan oleh CCMD ialah menganjurkan sesi perjumpaan bersama Penyedia Perkhidmatan pada bulan Jun 2015. CFM mendapat respon yang cukup memberangsangkan dengan kerjasama yang jitu bagi mencapai sasaran tersebut. Disamping itu, CFM telah menambahbaik portal aduan dengan pelaksanaan sistem notifikasi penyelesaian aduan melalui SMS yang membantu proses penyelesaian. Antara lain, pengadu hanya perlu mengisi satu (1) muka surat borang aduan berbanding tiga (3) muka surat sebelum ini.

CFM juga turut meneroka penggunaan media tradisional seperti poster bagi menyuntik kesedaran tentang kewujudan CFM sebagai saluran peringkat kedua bagi mendapatkan penyelesaian berkaitan komunikasi dan multimedia kepada orang awam. Pada tahun 2016, CFM akan membangunkan portal aduan versi "Mobile Web" bagi memberi kemudahan tambahan kepada masyarakat membuat aduan melalui telefon mudah alih. Ini adalah seiring dengan peningkatan penggunaan telefon pintar mudah alih di Malaysia.




STATISTIK ADUAN TAHUN 2015

CFM menerima sebanyak 7,878 aduan pada tahun 2015. Namun hanya 7,326 aduan di bawah bidang kuasa CFM dimajukan kepada Penyedia Perkhidmatan iaitu peningkatan sebanyak 6.11% berbanding 6,904 aduan bagi tahun sebelumnya. Sebanyak 552 aduan dikategorikan tidak sah kerana:

1. Pengadu tidak menghubungi Penyedia Perkhidmatan terlebih dahulu
2. Aduan di luar bidang kuasa CFM
3. Pertindihan aduan yang dibuat oleh pengadu

Secara purata, lebih kurang 1,831 aduan telah diterima pada setiap suku tahun. Jumlah aduan tertinggi diterima adalah pada suku keempat dan diikuti oleh suku kedua iaitu masing-masing sebanyak 2,100 dan 1,986 aduan.



Penerimaan Aduan Mengikut Suku Tahunan



PRESTASI PENYELESAIAN ADUAN

CFM berjaya menyelesaikan 72% dari jumlah keseluruhan aduan dalam masa 15 hari bekerja berbanding 64% pada tahun 2014. Ini adalah berikutan pemantauan secara berkala dan langkah proaktif telah diambil dalam memastikan aduan diselesaikan mengikut penanda aras yang ditetapkan dalam Kod Amalan Am Pengguna untuk Industri Komunikasi dan Multimedia (GCC) iaitu:

1. 90% daripada jumlah aduan hendaklah diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 15 hari bekerja
2. 95% daripada jumlah aduan diselesaikan dalam tempoh 30 hari bekerja



ADUAN MENGIKUT JENIS PERKHIDMATAN (JAN-DIS)

Perkhidmatan telefon mudah alih masih lagi merupakan penyumbang tertinggi aduan pada setiap tahun sejak penubuhan CFM. Pada tahun ini, peratusan tertinggi statistik aduan yang diterima adalah berkaitan perkhidmatan telefon mudah alih iaitu 48.7% dan peningkatan sebanyak 2.2% berbanding tahun 2014 iaitu 46.5%.

Perkhidmatan jalur lebar menyumbang 40.07% daripada jumlah aduan. 926 kes berkaitan dengan jalur lebar tanpa wayar, 1,730 kes berkaitan jalur lebar berwayar, 222 kes tentang jalur lebar mudah alih dan 58 kes berkaitan jalur lebar gentian optik. Namun, statistik terhadap aduan berkaitan perkhidmatan jalur lebar berwayar menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu 32.47% berbanding dengan yang lain.

Walaupun bagaimanapun, berlaku penurunan yang ketara bagi perkhidmatan jalur lebar mudah alih iaitu sebanyak 222 aduan berbanding 401 pada tahun lepas dengan peratusan penurunan sebanyak 44.64%.

TV berbayar dan talian tetap masing-masing mencatatkan 6.92% dan 4.16%. Manakala lain-lain perkhidmatan pula mencatatkan sebanyak 0.14% daripada jumlah aduan.

TELEFON MUDAH ALIH

3,568
48.7%



JALUR LEBAR GENTIAN OPTIK

58
0.79%



JALUR LEBAR TANPA WAYAR

926
12.64%



TV BERBAYAR

507
6.92%



JALUR LEBAR BERWAYAR

1,730
23.61%



TALIAN TETAP

305
4.16%



JALUR LEBAR MUDAH ALIH


222
3.03%



LAIN-LAIN

10
0.14%





Graf di bawah menunjukkan 5 jenis aduan tertinggi yang diterima berdasarkan jenis perkhidmatan. Pertikaian bil adalah aduan yang paling kerap diterima dan isu yang terlibat seperti kesilapan bil, isu pakej langganan dan pertikaian caj bil ketika gangguan perkhidmatan. Berikut adalah penerangan mengenai setiap jenis aduan yang disenaraikan seperti graf di bawah.

Nota: Industri 'Lain-lain' merujuk kepada 'Leased Line', Perkhidmatan E-mel dan VOIP.

JENIS ADUAN	DEFINISI
3G	Merupakan generasi ke-3 selular dan rangkaian yang laju untuk telefon dan transmisi data berbanding EDGE. 3G berkeupayaan untuk mengendali lebih banyak data menjadikannya lebih laju dan juga meningkatkan mutu panggilan telefon.
4G	Jalur lebar tanpa wayar 4G adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan generasi ke-4 daripada perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar. 4G adalah satu langkah dari 3G, yang pada masa ini adalah paling meluas, perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar berkelajuan tinggi. 4G hanya boleh didapati di kawasan yang terhad.
Pertikaian Bil	Pertikaian caj, pembayaran yang tidak dikreditkan, kesilapan bil, isu berkaitan langganan pakej. Pengguna dicaj walaupun tidak dapat mengakses perkhidmatan.
Pertikaian Bil – Penggunaan Data Domestik	Pengadu mendakwa bahawa aktiviti internet tidak dibuat daripada perkhidmatan/telefon mereka. Pengadu mengakui bahawa mereka mungkin telah mengakses internet menggunakan perkhidmatan wifi tetapi mendakwa mereka masih lagi dicaj dengan caj data dan mereka tidak diberi amaran secukupnya mengenai caj tersebut (tiada notifikasi).
Pendaftaran Penipuan	Aktiviti tidak beretika dengan melakukan pendaftaran tidak sah daripada pemilik yang sebenar.
Pemasangan/ Pengaktifan	Lewat mengaktifkan perkhidmatan atau pemasangan tidak dilakukan seperti yang dijanjikan.
Sambungan Internet / Kelajuan	Kelajuan yang tidak memuaskan atau sambungan jalur lebar terputus-putus.
Penukaran Penyedia Perkhidmatan	Perkhidmatan yang membolehkan pelanggan mengekalkan nombor telefon sedia ada mereka apabila bertukar penyedia perkhidmatan. Sebagai contoh, kelewatan dalam proses peralihan kerana terdapat kontrak dengan penyedia perkhidmatan sedia ada, terdapat baki tertunggak dan lain-lain.
Lain-lain	Merujuk kepada aduan di luar bidang kuasa CFM, isu lain seperti panggilan 'scam/spam', kecurian kabel.
Kelemahan Perkhidmatan Pelanggan	Berlaku disebabkan rasa tidak puas hati terhadap pengendalian pelanggan. Sebagai contoh, tiada perkhidmatan selepas jualan kepada pengguna, salah maklumat diberikan tentang kadar/pakej dan masa menunggu giliran yang lama apabila membuat panggilan ke pusat panggilan penyedia perkhidmatan.
Rebat/ Pulangan Wang	Permintaan untuk pengecualian bil atau bayaran balik deposit selepas langganan ditamatkan.
Tiada Perkhidmatan	Tiada perkhidmatan internet atau telefon disebabkan peralatan atau kegagalan teknikal.
Amalan Tidak Adil	Aduan mengenai rasa tidak puas hati dan layanan tidak adil terhadap permintaan pengadu atau aduan. Sebagai contoh, promosi pelan baru terhadap pelanggan baru dengan menawarkan pelbagai tawaran menarik yang akan menyebabkan pelanggan lama dan sedia ada merasa tidak adil.

JENIS ADUAN	DEFINISI
SMS Tidak Dilanggan	Aduan mengenai perkhidmatan tidak sah daripada pihak ketiga melalui SMS. Pengguna mengadu mendapat perkhidmatan yang tidak munasabah berkaitan dengan pelbagai SMS yang tidak sepatutnya diterima.
Penamatan Perkhidmatan Gagal	Permintaan untuk menamatkan perkhidmatan tidak diproses, kelewatan menamatkan perkhidmatan.
Promosi Mengelirukan	Promosi atau kenyataan iklan sama ada menipu atau mempunyai potensi untuk menipu dan berkemungkinan menjejaskan keputusan melanggan oleh pelanggan. Ia juga membawa pengguna kepada kesimpulan yang kurang tepat. Gambaran yang salah tentang produk/pakej, tariff pelan/pakej yang ditawarkan, dipasarkan atau diiklankan dengan cara yang mungkin mengelirukan pelanggan.
Talian Tetap	Telefon talian tetap.
Mudah Alih/Selular	Merujuk kepada telefon bimbit/mudah alih.
Jalur Lebar Internet	Merujuk kepada capaian internet berkelajuan tinggi.
Kegagalan Teknikal	Masalah berlaku kerana kegagalan fungsi sistem/peralatan/peranti.
Pelbagai	Aduan dibuat oleh Pengadu merangkumi pelbagai aduan/isu.
Salah Laku oleh peniaga	Merujuk kepada kenyataan palsu, tidak betul atau tidak lengkap atau penjelasan yang diberikan oleh peniaga dalam mendapatkan pelanggan baru. Motif adalah untuk menjamin pendaftaran baru tanpa menjelaskan butiran lengkap mengenai pelan langganan, caj atau perjanjian kontrak kepada pengguna terlebih dahulu.


6,904

**ADUAN
2014**



7,326

**ADUAN
JAN-DIS
2015**



**PENINGKATAN
SEBANYAK**

6.11%

ANALISA ADUAN MENGIKUT KATEGORI ADUAN (JAN-DIS)

Jadual di bawah menunjukkan kategori aduan yang diterima oleh CFM sepanjang tahun 2015. Kualiti perkhidmatan adalah isu yang paling banyak dihadapi oleh pengguna iaitu sebanyak 41.91%, diikuti bil dan caj sebanyak 29.12% dan SMS sebanyak 8.6%.

KUALITI PERKHIDMATAN

3,070

41.91%



TIADA LIPUTAN

291

3.97%



BIL DAN CAJ

2,133

29.12%



PROMOSI TIDAK BENAR

253

3.45%



SMS

630

8.60%



AMALAN TIDAK ADIL

225

3.07%



KUALITI LIPUTAN

574

7.84%





MMS

87

1.19%






5 KATEGORI ADUAN TERTINGGI

Kami telah mengenal pasti 5 kategori aduan tertinggi yang diterima sepanjang tahun 2015. Kategori aduan tersebut ialah Kualiti Perkhidmatan, Bil dan Caj, SMS, Kualiti Liputan dan Tiada Liputan.


1

Kualiti Perkhidmatan

Terdapat peningkatan dalam jumlah aduan berkaitan kualiti perkhidmatan dari tahun ke tahun. Tahun 2015 mencatatkan peningkatan sebanyak 14.64% berbanding tahun sebelumnya. Gangguan perkhidmatan merupakan penyumbang tertinggi dalam kategori ini iaitu sebanyak 989 aduan diikuti oleh aduan mengenai sambungan internet/kelajuan internet dan penukaran Penyedia Perkhidmatan dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 725 dan 394 aduan.



Kualiti Perkhidmatan



Bil dan Caj

2

Bil dan Caj


Tahun 2015 mencatatkan sebanyak 2,133 aduan diterima berkaitan bil dan caj. Pertikaian bil, sebanyak 962, pertikaian penggunaan data domestik, sebanyak 312, kelemahan sistem bil, sebanyak 248, rebat/pulangan wang, sebanyak 236, dan caj tidak munasabah, sebanyak 133, adalah 5 jenis aduan tertinggi yang menyumbang kepada statistik aduan dalam kategori bil dan caj. Aduan yang paling banyak diterima adalah pada bulan Jun.

3

SMS

Aduan mengenai SMS sering kali disenaraikan sebagai 5 kategori aduan tertinggi sejak dari tahun 2010. Pada tahun ini, aduan berkenaan SMS meningkat sebanyak 23.29% dan disenaraikan di tangga 3 tertinggi berbanding tahun lepas.

Graf menunjukkan penurunan aduan berlaku pada bulan Ogos dan kemudian terus meningkat naik sehingga November. Jenis aduan yang menyumbang kepada peningkatan dalam kategori ini adalah berkaitan SMS yang tidak dilanggan iaitu sebanyak 595 aduan.




SMS

4

Kualiti Liputan

CFM menerima 574 aduan mengenai kualiti liputan terhadap semua Penyedia Perkhidmatan utama di Malaysia. Bilangan aduan tidak tetap dan terdapat kenaikan dan penurunan pada setiap bulan. Pada suku kedua, aduan direkodkan sebanyak 180 iaitu yang paling tinggi diterima pada tahun 2015 berbanding dengan yang lain. Sebanyak 259 aduan berkenaan dengan liputan telefon mudah alih, manakala 127 aduan mengenai perkhidmatan jalur lebar internet dan 124 tidak berpuas hati dengan liputan 3G.




Kualiti Liputan

